

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 38

## Dasar fiskal kekal responsif

# Dasar fiskal kekal responsif

**DASAR** fiskal pada 2023 akan kekal responsif dalam menangani sebarang risiko terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat berikutan ketidakpastian aktiviti ekonomi global.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan perlu mengimbangi antara keperluan untuk mempercepat momentum pertumbuhan dan mengawal tekanan inflasi dengan meneruskan pengurusan fiskal yang berhemat.

Menurut Tinjauan Ekonomi dan Fiskal dan Anggaran Hasil 2023 Terkini, selaras dengan aspirasi Madani, sumber fiskal akan disalurkan ke arah memperkukuh jaringan keselamatan sosial rakyat, menambah baik infrastruktur pendidikan dan pembelajaran dan memperkukuh sektor kesihatan.

Selain itu, ia juga akan digunakan untuk memastikan ketenteraman makanan, meningkatkan aktiviti pelaburan yang memberi impak serta menggalakan digitalisasi dan kesalinghubungan.

"Hasil dijangka lebih rendah iaitu RM291.5 bilion atau 15.4 peratus daripada Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) selari dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan jangkaan harga komoditi yang lebih sederhana. "Jumlah perbelanjaan diang-

gar berkurang secara marginal kepada RM386.1 bilion atau 20.4 peratus daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh penamatan Kumpulan Wang Covid-19 (KWC-19) dan langkah

mengoptimalkan perbelanjaan," kata laporan tersebut.

Tambah laporan itu lagi, peruntukan Perbelanjaan Mengurus (OE) dianggar berkurang kepada RM289.1 bilion teru-

tamanya disebabkan subsidi yang lebih rendah berikutan jangkaan harga minyak mentah yang sederhana dan langkah berperingkat ke arah mekanisme pemberian subsidi yang lebih bersasar.

Selain itu, peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) dianggar meningkat dengan ketara kepada RM97 bilion melibatkan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) seperti pembinaan lebuhraya dan infrastruktur pengangkutan awam, kemudahan perubahan serta institusi pendidikan.

Dalam pada itu, sejumlah AS\$3 bilion disediakan untuk penebusan boni 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka terus menyusut kepada 5 peratus daripada KDNK. Defisit baki primer pula dianggar terus berkurang kepada 2.5 peratus daripada KDNK.

"Kerajaan komited untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal berpandukan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)," katanya.



### HUTANG SEKTOR AWAM (Seksyen 3 pengurusan hutang dan risiko fiskal) 2021-2022

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
<b>Kerajaan Persekutuan</b>	<b>979,814</b>	<b>1,074,779</b>	<b>70.6</b>	<b>72.4</b>	<b>63.4</b>	<b>60.1</b>
Dalam negeri	950,084	1,044,578	68.5	70.4	61.5	58.4
Luar Pesisir	29,730	30,201	2.1	2.0	1.9	1.7
<b>Badan Berkanun</b>	<b>91,300</b>	<b>95,168</b>	<b>6.6</b>	<b>6.4</b>	<b>5.9</b>	<b>5.3</b>
Dalam negeri	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Antaranya: Dijamin	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
<b>Syarikat awam bukan kewangan</b>	<b>316,752</b>	<b>314,856</b>	<b>22.8</b>	<b>21.2</b>	<b>20.5</b>	<b>17.6</b>
Dalam negeri	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
Antaranya: Dijamin	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
Luar pesisir	131,443	129,615	9.5	8.7	8.5	7.2
Antaranya: Dijamin	27,778	29,268	2.0	2.0	1.8	1.6
<b>Jumlah</b>	<b>1,387,866</b>	<b>1,484,803</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>89.8</b>	<b>83.0</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia